

BANTUAN KHAS SARAWAKKU SAYANG (BKSS) 7.0

1. Apakah Bantuan Khas Sarawakku Sayang (BKSS) 7.0?

Bantuan Khas Sarawakku Sayang 7.0 adalah untuk memperkasakan aktiviti perusahaan dan perniagaan.

Langkah 1: Bantuan Khas Kewangan One-Off RM10,000 Untuk Perniagaan Aktif Berdaftar Di Sarawak Dengan PERKESO

Bantuan khas kewangan secara *one-off* sebanyak RM10,000 untuk perniagaan aktif di Sarawak yang berdaftar dengan PERKESO setakat 31 Disember 2020.

Bantuan khas kewangan ini akan dibayar dalam dua peringkat, RM5,000 pada bulan September 2021 dan baki RM5,000 akan dibayar pada bulan Disember 2021.

Langkah 2: Memberi Kelonggaran Dasar Perolehan Kerajaan Akibat Pandemik Covid-19

- (i) Pemberian *Extension of Time (EOT)* akibat secara langsung PKP 3.0;
- (ii) *Liquidated and Ascertained Damages (LAD)* yang telah dikenakan akan dikecualikan semasa tempoh PKP;
- (iii) Penilaian dan taksiran pembayaran akan dijalankan secara automatik pada akhir setiap bulan dan membenarkan bayaran interim minimum sebanyak RM1,000 sebulan untuk semua Kontrak Negeri;
- (iv) Membenarkan pembayaran kepada Pasukan Penyelia Tapak Perunding semasa PKP;
- (v) Membenarkan Perubahan Harga kontrak kerja kerajaan.

Langkah 3: Pembaharuan Permit Pekerja Asing Bagi Semua Sektor

Pembaharuan Permit Pekerja Asing dengan tempoh sah Lesen Buruh bagi sektor perladangan sehingga 31 Disember 2022 semasa COVID-19 akan dilanjutkan kepada semua sektor iaitu pertanian, perlombongan, pembinaan dan perkhidmatan.

2. Siapakah yang layak mendapat inisiatif One-Off RM10,000 BKSS 7.0?

Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang aktif dan telah berdaftar dengan PERKESO sebelum atau pada 31 Disember 2020 layak mendapat bantuan khas kewangan *one-off* sebanyak RM10,000.

3. Bagaimanakah saya memohon inisiatif One-Off RM10,000 BKSS 7.0?

Permohonan adalah tidak diperlukan. Ianya akan diberi kepada syarikat-syarikat di bawah Perusahaan Kecil dan Sederhana yang aktif menjalankan aktiviti perusahaan dan perniagaan dan berdaftar dengan PERKESO sebelum atau pada 31 Disember 2020.

4. Adakah syarikat saya sebuah Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)? - Sila rujuk definisi di laman web smecorp.gov.my

PKS merupakan satu entiti perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan-badan yang sama taraf dengannya seperti badan professional atau pejabat daerah di Sarawak.

Walau bagaimanapun, definisi ini tidak termasuk entiti awam yang berada di papan utama dan subsidiari seperti berikut:

- (i) Syarikat tersenarai awam yang berada di papan utama;
- (ii) Syarikat multinasional (MNCs);
- (iii) Syarikat berkaitan Kerajaan (GLCs),
- (iv) Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKDs); dan
- (v) Perusahaan milik Kerajaan Negeri.

5. Bilakah keputusan penerima-penerima inisiatif One-Off RM10,000 BKSS 7.0 diketahui?

Pihak Kerajaan Sarawak akan memaklumkan kepada PKS yang layak menerima inisiatif One-Off RM10,000 BKSS 7.0 melalui surat-menyurat kepada alamat berdaftar atau emel rasmi PKS yang telah dikemukakan oleh pihak PERKESO.

6. Bagaimanakah kaedah bayaran inisiatif One-Off RM10,000 BKSS 7.0 kepada penerima-penerima yang layak?

Pembayaran akan dikreditkan ke akaun bank rasmi PKS yang dimaklumkan kepada pihak Kerajaan Sarawak iaitu dalam 2 peringkat, RM5,000 pada September 2021 dan RM5,000 pada Disember 2021.

7. Adakah semakan kelayakan penerima bagi inisiatif One-Off RM10,000 BKSS 7.0 akan dibuat dengan mana-mana agensi kerajaan?

Ya. Kerajaan akan membuat semak silang dengan beberapa agensi kerajaan bagi memastikan kesahihan maklumat penerima.

8. Bagaimanakah kaedah pembayaran?

Bantuan khas kewangan one-off akan didepositkan terus ke akaun rasmi bank syarikat berdaftar dengan PERKESO.